

KERTAS 1
(Objektif Aneka Pilihan)

1. Antara berikut, yang manakah bukan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu?
 - A Raja
 - B Pembesar
 - C Undang-undang
 - D Wilayah pengaruh
2. Apakah yang menyebabkan rakyat tidak akan menderhaka kepada pemerintah?
 - A Takut ditimpa tulah
 - B Takut dibuang negeri
 - C Dikenakan hukuman sebat
 - D Tidak dibenarkan berdagang
3. Istilah di bawah menjadi asas membina nasionalisme dalam kalangan rakyat dan pemerintah Jepun semasa era Pemulihan Meiji.

Semangat Bushido

Apakah yang anda peroleh kesan daripada semangat di atas?

- A Mengukuhkan pendidikan semata-mata
 - B Bekerjasama dengan imperlisme Barat
 - C Sedia berkorban demi melaksanakan tanggungjawab
 - D Memberikan keutamaan yang tidak berbelah bahagi kepada diri dan keluarga
4. Jadual berikut menunjukkan tuntutan yang diminta oleh KMS.

Persatuan	Tuntutan
Kesatuan Melayu Singapura (KMS)	Kebajikan dan pendidikan orang Melayu

Apakah tindakan British untuk memenuhi tuntutan tersebut?

- A Mewujudkan lebih banyak pusat pendidikan

- B Menggalakkan orang Melayu menubuhkan persatuan
- C Menubuhkan syarikat yang diterajui oleh orang Melayu
- D Menambah penglibatan orang Melayu dalam perkhidmatan awam

5. Pernyataan berikut berkaitan dengan sekatan ekonomi terhadap Jepun

Amerika Syarikat telah menghalang Jepun daripada memperoleh bahan mentah yang diperlukan untuk operasi perangnya.

Bagaimanakah Jepun menangani tindakan tersebut ?

- A Jepun menguasai Asia Tenggara
 - B Jepun menyerang wilayah jajahan pihak Bersekutu
 - C Jepun mewujudkan pakatan ketenteraan dengan Jerman
 - D Jepun melancarkan imperialisme di seluruh rantau Asia Pasifik
6. Apakah faktor yang mendorong kedatangan Jepun ke negara kita?
- A Menguji kekuatan dan keberanian tentera Jepun
 - B Rakyat negara kita bekerjasama dengan tentera Jepun
 - C Kedudukan strategik Tanah Melayu untuk kepentingan Jepun
 - D Membebaskan negara di rantau Asia Tenggara daripada cengkaman penjajah
7. Apakah tindakan anda, sekiranya turut terlibat dalam Pertubuhan-pertubuhan Melayu sebagai tindak balas menentang Malayan Union (MU)?
- A Menganjurkan demonstrasi
 - B Menghantar telegram ke London
 - C Melancarkan revolusi bersenjata
 - D Mengemukakan kes MU ke mahkamah Tinggi England

8. Pernyataan berikut berkaitan dengan reaksi penduduk terhadap penyerahan Sabah.

British berjaya mendapatkan Sabah dengan mudah tanpa sebarang penentangan daripada penduduk tempatan

Mengapakah penduduk tempatan tidak menentang penyerahan Sabah kepada British?


- I British menjaga kebajikan penduduk
- II Perbezaan etnik menyukarkan penyatuan
- III British memberi tekanan kepada kesedaran politik
- IV Penduduk tempatan diberi peluang dalam pentadbiran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9. Apakah manfaat yang diperoleh orang Melayu melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Kebebasan berpolitik
- B Menguasai pentadbiran
- C Menentukan kerakyatan
- D Kedudukan istimewa dilindungi

10. Rajah berikut menunjukkan perubahan pentadbiran British di Tanah Melayu.



Apakah faktor yang menyebabkan perubahan pentadbiran tersebut?

- I Memupuk perpaduan kaum

- II Mengamalkan prinsip demokrasi
 - III Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO
 - IV Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

11. Berikut merupakan parti yang menyebarkan dakwah komunis di negara kita.

- ☐ **Parti Koumintang (KMT)**
- ☐ **Parti Komunis Nanyang (PKN)**

Apakah idea yang anda fikirkan bagi memastikan dakwah komunis tidak meresap dalam jiwa masyarakat Malaysia?

- A Memberikan kerjasama padu kepada pihak Komunis
- B Mencetuskan idea kepentingan institusi raja dan birokrasi
- C Memastikan peralihan kuasa secara aman tanpa pertumpahan darah
- D Memelihara kepentingan ekonomi seiring dengan pembangunan negara

12. Apakah implikasi peristiwa darurat selama 12 tahun terhadap negara kita pada ketika itu?

- A Hubungan antara kaum renggang
- B Masyarakat menjalankan aktiviti pertanian seperti biasa
- C Kerajaan menguatkuasakan undang-undang secara ketat
- D Kerajaan membelanjakan banyak wang untuk membanteras ancaman komunis

13. Apakah objektif Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956?

- A Membina lebih banyak sekolah
- B Sistem persekolahan yang berbeza mengikut kaum

- C Kurikulum yang seragam dan bercorak kebangsaan
- D Mewajibkan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah

14. Konvesyen berikut diadakan pada bulan Ogos 1954.

Peristiwa	Penganjur
☐ Konvesyen Kebangsaan	☐ UMNO ☐ MCA

Apakah isu yang diketengahkan dalam konvensyen tersebut?

- A Penubuhan parti politik baharu
- B Persetujuan terhadap syarat pilihan raya
- C Bantahan terhadap Perlembagaan Rakyat
- D Mendesak British mengadakan pilihan raya

15. Apakah tanggungjawab Menteri Pelajaran dalam kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu?

- A Meningkatkan mutu pendidikan
- B Mengkaji semula sistem pendidikan kebangsaan
- C Membina bangsa bersatu melalui sistem pendidikan
- D Menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan

16. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan peranan kabinet pertama PTM 1955.

- I. Membincangkan isu keselamatan dalam negeri
- II. Mengurangkan kuasa pentadbiran british
- III. Membangunkan dasar luar negara
- IV. Perkongsian kuasa antara kaum

- A. I dan II
- B. I dan IV

- C. II dan III
- D. III dan IV

17. Pada 1956, Tunku Abdul Rahman dan wakil Raja-raja Melayu mengatur rombongan kemerdekaan ke London. Apakah misi rundingan ke London tersebut

- I. Membincangkan hal keselamatan
- II. Mengukuhkan kerjasama antara kaum
- III. Mengukuhkan kuasa raja-raja melayu
- IV. Membincangkan perlembagaan negara

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

18. Berikut adalah reaksi terhadap draf perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

UMNO	Tidak bersetuju dengan konsep jus soli
PAS	Mengkritik soal kewarganegaraan

Mengapakah isu kerakyatan jus soli menerima reaksi sedemikian?

- A. Sangsi kesetiaan orang bukan melayu
- B. Menjejaskan ketamadunan melayu
- C. Menggugat keistimewaan orang melayu
- D. Mengancam adat istiadat melayu

19. Berikut adalah jawatankuasa yang ditubuhkan sebagai persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara

Jawatankuasa persediaan fizikal
--

Apakah persediaan yang dilakukan oleh jawatankuasa tersebut?

- I. Pembinaan stadium
- II. Menggubal rukun negara
- III. Membina pintu gerbang
- IV. Memperkenalkan lagu kebangsaan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

20. Gambar menunjukkan buku merah yang diletakkan dalam bilik gerakan kemajuan Negara

Buku Merah



Apakah fungsi Buku Merah tersebut?

- A. Memantau maklum balas projek kemajuan
- B. Merekod senarai kampung yang mundur
- C. Mencatatkan maklumat pembangunan kampung
- D. Menyelaraskan program pembangunan luar bandar

21. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri negara yang berdaulat

- **X**
- Mempunyai sempadan
- Mempunyai perundangan
- Mempunyai pemerintahan

Apakah X?

- A. Mempunyai rakyat
- B. Mempunyai ketua negara
- C. Mempunyai lambang negara
- D. Mempunyai kerajaan

22. Gambar berikut merujuk kepada keunikan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum



Bagaimanakah kerajaan mengekalkan perpaduan kaum tersebut?

- A. Membina petempatan
- B. Penubuhan pelbagai parti politik
- C. Penguatkuasaan undang-undang
- D. Pelaksanaan sistem demokrasi

23. Majlis persekutuan terlibat dalam penggubalan undang-undang negeri. Apakah negeri tersebut?

- A. Negeri-negeri selat
- B. Negeri-negeri melayu utara
- C. Negeri-negeri melayu bersekutu
- D. Negeri-negeri melayu tidak bersekutu

24. Maklumat berikut berkaitan dengan pindaan Perlembagaan 1965

Tunku Abdul Rahman Putra Al- Haj membawa usul pindaan perlembagaan yang dinamakan pindaan Singapura 7 Ogos 1965

Apakah badan yang berkuasa meluluskan pindaan perlembagaan tersebut?

- A. Parlimen
- B. Jemaah menteri
- C. Majlis Raja-Raja
- D. Dewan Undangan Negeri

25. Berikut adalah situasi kuasa pengampunan

Seorang pesalah dari makamah tentera memohon agar hukuman ke atas dirinya diampunkan dan ditangguhkan

Siapakah yang layak mempertimbangkan surat rayuan tersebut?

- A. Makamah tinggi
- B. Makamah rayuan
- C. Yang di-Pertuan Agong
- D. Dewan perundangan Negeri

26. Pernyataan berikut berkaitan perubahan pucuk pentadbiran negara.

Barisan Nasional yang memenangi 13 kali pilihan raya umum telah pun digantikan dengan pakatan harapan pada tahun 2018

Apakah perkara yang membawa perubahan tersebut?

- A. Perubahan sikap pengundi
- B. Amalan demokrasi yang subur
- C. Kerjasama pelbagai parti politik
- D. Peranan media sosial berkempen

27. Pasangan yang manakah menunjukkan perbezaan struktur pentadbiran kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri

	Kerajaan Persekutuan	Kerajaan Negeri
A	Menguruskan undang-undang Islam	Menguruskan keselamatan dalam negeri
B	Undang-undang digubal oleh parlimen	Dewan undangan Negeri menggubal undang-undang
C	Ketua negara ialah Perdana Menteri	Menteri Besar mengetuai Pentadbiran Negeri
D	YDPA Memiliki kuasa Veto	Sultan Peringkat Negeri memiliki kuasa pembatal

Keluhuran perlembagaan

28. Maklumat berikut adalah Prinsip Rukun Negara ketiga.

Bagaimanakah prinsip tersebut dipraktiskan?

- A. Perlembagaan negara tidak boleh dipinda
- B. Undang-undang bercangah perlembagaan terbatal
- C. Badan perlaksana sahaja boleh meluluskan perlembagaan
- D. Badan perundangan bertindak atas nasihat Perdana Menteri

29. Parti-parti ditubuhkan di Sarawak pada tahun 1960an

- PANAS
- SNAP
- BERJASA

Apakah persamaan parti-parti tersebut?

- A. Menyokong gagasan Malaysia
- B. Menolak pembentukan Malaysia
- C. Menyertai referendum
- D. Melancarkan hartal

30. Bagaimanakah kedudukan bumiputera di sarawak dan sabah selepas pembentukan Malaysia?

- A. Dilantik dalam pentadbiran awam
- B. Diterima sebagai rakyat tanah melayu
- C. Mendapat sokongan kewangan persekutuan
- D. Pengiktirafan sama seperti orang melayu

31. Apakah strategi yang dilancarkan dengan kerjasama pasukan keselamatan, ahli politik dan agensi kerajaan bagi memerangi PKM tahun 1970-an

- A. Operasi ESSCOM
- B. Operasi Perang Saraf
- C. Strategi counterin Surgence
- D. Strategi induk barbarossa

32. Berikut adalah majlis yang diberikan kuasa untuk memerintah negara dari 16 Mei 1969 hingga 23 Februari 1971

MAGERAN

Apakah tanggungjawab majlis tersebut?

- A. Memperkenalkan dasar ekonomi negara
- B. Menyusun strategi ketenteraan negara
- C. Menentukan pentadbiran negara lcin
- D. Mengendalikan pilihan raya yang adil

33. Jadual menunjukkan kegiatan ekonomi dan petempatan kaum di bawah pentadbiran british

Kaum	Perkerjaan	Petempatan
Melayu	Petani	Kampung/pendalaman
Cina	Pelombong	Bandar
India	Buruh ladang	Estet

Apakah kesan daripada situasi tersebut?

- A. Perbezaan ideologi
- B. Kurang interaksi
- C. Pengkhususan pekerjaan
- D. Memajukan ekonomi

“MALAYSIA BOLEH”

34. Berikut adalah slogan yang dilaungkan setiap kali ahli sukan negara bertanding dalam kejohanan tertentu.

Apakah nilai daripada laungan slogan tersebut?

- A. Patriotisme
- B. Kesungguhan
- C. Berdaya saing
- D. Tanggungjawab

35. Apakah kesan daripada tindakan kerajaan memperkenalkan industri kecil dan sederhana (IKS)?

- A. Melahirkan tenaga kerja mahir
- B. Melahirkan usahawan muda
- C. Meningkatkan kemahiran tempatan
- D. Menggalakkan pelaburan modal

36. Apakah dua rancangan yang diperkenalkan dibawah dasar pembangunan nasional?

- I. Rancangan Malaysia keempat (1981-1985)
- II. Rancangan Malaysia kelima (1986-1990)
- III. Rancangan Malaysia keenam (1990-1995)
- IV. Rancangan Malaysia ketujuh (1995-2000)

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

37. Logo 1 menunjukkan sukan komanwel Malaysia 1998



Apakah manfaat penyertaan Malaysia dalam sukan tersebut?

- A. Mengeratkan hubungan antara negara
- B. Membina prasarana sukan antarabangsa
- C. Meningkatkan industri pelancongan
- D. Kemenangan pasukan badminton negara

38. Mengapakah MAPHILINDO ditubuhkan?

- A. Menyelesaikan isu pelarian
- B. Isu pembentukan Malaysia
- C. Isu konflik di Vietnam
- D. Memudahkan operasi tentera

39. Deklarasi Kuala Lumpur diisytiharkan dalam sidang kemuncak NAM pada tahun 2003 di Malaysia. Apakah isu yang dibangkitkan dalam deklarasi tersebut?

- I. Isu alam sekitar
- II. Isu Palestin
- III. Pencerobohan Amerika
- IV. Isu Apartheid

- A. I dan II
- B. I dan IV

- C. II dan III
- D. III dan IV

40. Apakah langkah Malaysia untuk menyokong perkembangan kewangan islam?

- A. Ditubuhkan INCEIF
- B. Dibangunkan bank pembangunan Islam
- C. Memperkenalkan mata wang dinar emas
- D. Memansuhkan sistem kewangan konvensional